

INTEGRITI INDIVIDU: ELAK SALAH GUNA MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PERKONGSIAN MAKLUMAT

Nurul Amira Mat Ariffin
Jabatan Media Baharu
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
*Emel: amira.ariffin@mcmc.gov.my

Abstrak : Media sosial kini menjadi medium utama kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan sama ada remaja, dewasa, bangsa, agama dan lain-lain, dan ianya dimanfaatkan sebagai medium berkongsi dan menerima maklumat berkaitan sesuatu isu. Namun demikian, dalam kebaikan yang ada, kewujudan media sosial ini secara tidak langsung juga boleh menjejaskan nilai-nilai integriti seseorang individu dan mencetuskan potensi untuk disalahguna oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Kebebasan untuk menyatakan pandangan, dan menerima serta menyampaikan maklumat secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan, selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Namun, ianya harus dilaksanakan dengan cara yang berhemah dan beretika, serta tidak melanggar sebarang peraturan dan peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia. Objektif kertas kerja ini adalah bertujuan untuk membincangkan kepentingan nilai integriti individu sebagai pengguna media sosial, isu-isu berkaitan salah guna media sosial dari perspektif dan peranan Agensi Penguatkuasa, peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan salah guna media sosial serta etika penggunaan media sosial. Hasil penulisan kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat agar setiap pengguna media sosial dapat mengadaptasi nilai-nilai integriti yang tinggi dalam diri bagi mengelakkan daripada salah guna media sosial sebagai medium perkongsian maklumat.

Kata kunci: media sosial, integriti, salah guna, perkongsian maklumat, etika

1 Pendahuluan

Media sosial kini telah menjadi sebahagian daripada norma kehidupan masyarakat, baik untuk aktiviti sosial mahupun sebagai medium untuk berkongsi dan menerima maklumat. Kajian Pengguna Internet di Malaysia yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mencatatkan 93.3% responden menggunakan Internet bagi tujuan untuk melayari platform media sosial. Statistik yang direkodkan ini juga didapati meningkat hampir 10% iaitu dari 85.6% bagi tahun 2018 kepada 93.3% bagi tahun 2020 (MCMC, 2020). Namun demikian, peningkatan ini secara tidak langsung turut mempengaruhi masyarakat dalam pelbagai disiplin diri serta memberi ruang kepada salah guna media sosial. Hal ini kerana, kebergantungan kepada media sosial boleh memberikan impak dalam kehidupan seseorang individu termasuk terhadap nilai, budaya, pemikiran dan corak kehidupan dari aspek adat, tatasusila, dan agama (Ayub, Rozali & Marni, 2019). Nilai integriti dan prinsip moral dalam diri individu dilihat boleh terhakis dan masyarakat kini dilihat semakin berani memuatnaik kandungan yang menyalahi peruntukan undang-undang negara.

Meskipun kerajaan Malaysia telah mewujudkan pelbagai undang-undang dan akta berkaitan dengan salah guna media sosial, namun mekanisme ini bukanlah satu-satunya cara bagi menghalang seseorang individu daripada tidak menyalahgunakan media sosial. Bukan sahaja tidak gentar akan undang-undang negara, malah, ada yang sering menggunakan tiket “hak kebebasan bersuara” untuk menyuarakan apa-apa bentuk pandangan dan pendapat di media sosial tanpa mengambil kira impaknya, terutamanya terhadap ketenteraman awam serta keselamatan negara.

Selain itu, peranan Agensi Penguatkuasa dalam dunia tanpa sempadan ini juga dilihat semakin mencabar rentetan daripada kemunculan pelbagai platform-platform media sosial baharu yang sentiasa bersaing untuk mendapat tempat di hati pengguna tegar media sosial. Saban hari, pengguna media sosial juga dihadang dengan pelbagai ciri dan fungsi baharu untuk berkongsi maklumat dengan lebih interaktif dan pantas. Melihat kepada keadaan ini, dalam usaha pihak Kementerian dan Agensi Penguatkuasa dalam menguatkuasa undang-undang, terdapat keperluan untuk turut berperanan memberikan panduan kepada pengguna media sosial di Malaysia dalam mengurus tata etika penggunaan media sosial sebagai medium perkongsian maklumat.

2 Kepentingan Integriti Dalam Penggunaan Media Sosial

Integriti adalah berasal daripada bahasa Latin iaitu “*Integer*”, yang bermaksud menyeluruh, sempurna dan kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund, 2003). Terdapat beberapa pendapat yang telah dibincangkan dalam usaha untuk memahami konsep dan maksud perkataan integriti. Antaranya, integriti individu ditakrifkan sebagai keselarasan di antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang diamalkan diantara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang. Seseorang dikatakan berintegriti apabila dia bertindak secara konsisten antara nilai moral yang dipegang dengan cerminan tingkah laku (perkataan atau perbuatan) yang ditunjukkannya (Megat Ayop & Abd. Halim, 2016). Selain itu, seorang penulis dan tokoh Inggeris terkenal C.S. Lewis juga pernah mengungkapkan integriti adalah bermaksud “*melakukan sesuatu yang baik, walaupun tiada orang melihatnya*”.

Bertepatan dengan sifat media sosial yang membolehkan seseorang individu menyembunyikan identiti sebenar mereka, individu yang berada dalam kelompok ini cenderung untuk terjebak ke dalam kancah salah guna media sosial. Sisi gelap seseorang individu juga akan lebih terserlah melalui tindak tanduk mereka di alam maya. Fakta ini juga disokong dengan tindakan yang telah diambil oleh beberapa penyedia platform media sosial seperti Facebook, di mana bagi tempoh tiga (3) bulan pertama tahun 2022 sahaja, sejumlah 1.6 billion akaun Facebook palsu berjaya dialih keluar daripada platform Facebook kerana akaun-akaun ini didapati diwujudkan dengan tujuan jahat (Facebook, 2022). Manakala, dalam tempoh yang sama, Tiktok merekodkan sejumlah lebih 20 million akaun Tiktok palsu berjaya dialih keluar daripada platform mereka kerana melanggar terma perkhidmatan platform tersebut (Tiktok, 2022).

Dalam konteks penggunaan media sosial, nilai integriti adalah amat penting agar media sosial dapat dimanfaatkan untuk perkara-perkara yang positif. Keruntuhan nilai integriti telah membuka ruang berlakunya peningkatan salah guna media sosial. Pihak Kementerian mahupun Agensi Penguatkuasa telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk membendung, mencegah dan menguatkuasakan undang-undang bagi mengatasi isu salah guna media sosial ini. Namun, saban tahun, masih sahaja masyarakat disajikan dengan laporan peningkatan jumlah salah guna media sosial. Antara Januari sehingga Julai 2022, sejumlah 12,279 aduan awam diterima oleh pihak MCMC berkaitan salah guna Internet dan media sosial (MCMC, 2022).

Melihat kepada senario ini, tanggungjawab dalam membendung isu salah guna media sosial tidak boleh diletakkan sepenuhnya kepada tanggungjawab Agensi Penguatkuasa mahupun platform media sosial. Hakikatnya, ianya adalah terletak kepada sikap, moraliti, integriti dan niat pengguna media sosial itu sendiri. Salah guna media sosial boleh diatasi jika setiap pengguna tahu peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga batasan, memelihara akhlak, moral, maruah, hal-hal kerahsiaan dan peribadi. Sekaligus, menjadikan integriti sebagai garis panduan atau pegangan dalam penggunaan media sosial dapat menjadi benteng kepada kita daripada terjebak dengan salah guna media sosial yang merugikan diri sendiri, masyarakat dan negara.

3 Jenis Kesalahan Berkaitan Dengan Salah Guna Media Sosial

Terdapat pelbagai jenis kesalahan yang dilakukan di media sosial sama ada secara sengaja mahupun tidak sengaja. Antara jenis-jenis kesalahan yang berkait rapat dengan nilai moral dan integriti individu adalah seperti penyebaran maklumat palsu, menghasut atau membuat ucapan kebencian yang menyentuh sentimen perkauman, agama atau Institusi Diraja, gangguan berunsur seksual, pemalsuan identiti dan lain-lain. Penerangan lanjut berkenaan jenis-jenis kesalahan berkaitan salah guna media sosial disenaraikan dalam Jadual 1 seperti di bawah:


Jadual 1: Jenis-Jenis Kesalahan Berkaitan Salah Guna Media Sosial

Bil	Jenis Kesalahan	Penerangan Jenis Kesalahan
1.	Penyebaran Maklumat/Berita Palsu	Penyebaran maklumat/berita palsu yang sengaja direka-reka dan disebarikan dengan niat untuk menipu, memperdaya dan mengelirukan pembaca, bagi menyebabkan kemudaratan kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam.

2.	Ucapan Kebencian (Kaum, Agama dan Institusi Diraja)	Ungkapan yang menyebarkan, menghasut, membangkitkan, membenarkan, atau menjadi alasan bagi kebencian (perasaan sangat takut dan benci terhadap kelompok kumpulan yang disasarkan), berdasarkan sikap tidak bertoleransi.
3.	Pendedahan Dokumen / Maklumat Terperingkat dan Rahsia Kerajaan	Pendedahan sebarang dokumen yang diklasifikasikan sebagai 'rahsia', 'sulit' atau 'terhad' tanpa kebenaran.
4.	Buli atau gangguan	Merangkumi penggunaan kata-kata kesat atau tingkah laku berulang yang menasarkan individu atau sekumpulan orang bagi mendatangkan ketidakselesaan terhadap penyebaran individu/pihak yang dibuli atau diganggu termasuk kandungan-kandungan yang bermaksud hendak mengaibkan dan mencabul kehormatan seseorang.
5.	Penyebaran Kandungan berunsur fitnah	Kandungan yang dimuatnaik dengan apa-apa tohmahan mengenai mana-mana orang, bagi maksud hendak merosakkan, atau dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan nama baik orang itu.
6.	Gangguan Seksual	Penghantaran kandungan atau gangguan yang bersifat seksual yang tidak diinginkan.
7.	Pemalsuan Identiti	Perbuatan mencuri identiti seseorang dan menyamar sebagai individu tersebut bertujuan untuk melakukan perkara yang tidak bermanfaat dan berniat jahat.

4 Undang-Undang Berkaitan Media Sosial

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], yang diperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sering dijadikan sebagai akta utama yang berperanan dalam mengawal selia isu-isu berkaitan salah guna media sosial. Walau bagaimanapun, akta ini bersifat tidak menyeluruh dan masih terdapat keperluan untuk merujuk kepada akta-akta lain seperti Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Akta Hasutan 1948, Akta Hak Cipta 1987, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Rumah Judi Terbuka 1953, dan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Tindakan MCMC terhadap kesalahan berkaitan salah guna media sosial adalah terhad kepada kesalahan di bawah AKM 1998. Bagi kesalahan di bawah lain-lain akta, pihak MCMC berperanan untuk memberikan bantuan dan sokongan teknikal kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan.



Rajah. 1. Kerangka Sebahagian Undang-Undang di Malaysia

Kesalahan-kesalahan di Internet termasuk di media sosial juga tidak hanya termaktub di bawah peruntukan dan bidangkuasa MCMC semata-mata. Ia juga tertakluk kepada undang-undang sedia ada sebagaimana kesalahan yang dilakukan di dunia nyata. Undang-undang relevan yang lain juga terpakai mengikut fakta kes yang disiasat, dan juga tertakluk kepada kesalahan-kesalahan lain di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya seseorang didapati menjalankan aktiviti perjudian dalam talian di mana-mana platform media sosial, aktiviti tersebut boleh menjadi satu kesalahan dan disiasat di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953, di bawah bidangkuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Begitu juga dengan aktiviti penipuan memperdaya mangsa bagi mendapatkan sejumlah wang boleh menjadi kesalahan dan disiasat di bawah Kanun Keseksaan, di bawah bidangkuasa pihak PDRM. Walau bagaimanapun, keputusan bagi melakukan pendakwaan adalah bergantung kepada keputusan Timbalan Pendakwa Raya, mengikut hasil penyiasatan dan fakta kes.

5 Panduan Etika Penggunaan Media Sosial

Membudayakan nilai etika dalam diri dapat melahirkan individu yang mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Begitu juga jika ia disemai dalam diri setiap pengguna media sosial. Antara lima (5) amalan etika yang diinspirasi daripada prinsip Rukun Negara, yang boleh dijadikan panduan umum kepada masyarakat di Malaysia adalah seperti berikut:

i. Kepercayaan kepada Tuhan

Berdasarkan prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan, semua masyarakat di Malaysia sememangnya mengakui bahawa Tuhan melebihi kuasa yang lain, serta agama menjadi unsur penting dalam membentuk sikap seseorang individu. Oleh itu, sebagai individu yang patuh dan taat setia kepada ajaran agamanya, amalan etika yang boleh diterapkan adalah seperti mengelakkan diri daripada berkongsi kandungan yang tidak baik atau membincangkan isu yang bercanggah dengan ajaran agama yang dianuti. Contohnya, sebagai seorang Islam adalah tidak elok untuk menggunakan media sosial sebagai medium untuk mengakses atau berkongsi bahan-bahan pornografi. Pengguna media sosial juga harus mengelakkan diri dari menyebarkan sesuatu perkara tentang seseorang terutama perkara yang dituntut syariat untuk menjaga aib dan aurat serta tidak menyebarkannya kepada orang ramai.

Bukan itu sahaja, sebagai pengguna media sosial yang beretika, haruslah tidak mengeluarkan pendapat atau khabar angin yang akan mendorong kepada fitnah, termasuk menyebarkan berita-berita palsu atau maklumat yang tidak diketahui sumbernya dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna yang lain.

ii. Kesetiaan kepada Raja

Mengambil kira prinsip Rukun Negara yang Kedua ini, semua masyarakat di Malaysia harus menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Raja, dengan tidak menggunakan media sosial sebagai platform bagi

mendatangkan kebencian, atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan. Selain itu, pengguna media sosial yang beretika juga perlu mengelakkan daripada membincangkan isu yang mempersoalkan apa-apa perkara, hak taraf, kedudukan, keistimewaan atau kedaulatan diraja.

iii. Keluhuran Perlembagaan

Keluhuran Perlembagaan bermaksud kemuliaan dan keagungan undang-undang dan kedudukannya terletak sebagai undang-undang tertinggi dimana ia menjadi sumber kepada semua undang-undang di Malaysia. Mengikut sejarah pula, prinsip Keluhuran Perlembagaan digubal berdasarkan tolak ansur antara kaum dalam beberapa perkara seperti hak istimewa orang Melayu, bahasa Melayu, agama Islam dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, walaupun Perlembagaan memperuntukkan agama Islam sebagai agama rasmi negara, tetapi agama lain juga bebas diamalkan di Malaysia (Rosfazila, 2021). Jika ditelusuri prinsip ini, sebagai rakyat Malaysia adalah penting untuk sentiasa mewujudkan hubungan baik sesama pengguna media sosial yang lain tanpa mengira kaum, bangsa dan agama serta menghormati satu sama lain agar dapat mewujudkan suasana yang harmoni bukan sahaja di dunia nyata malah juga di dalam komuniti maya.

iv. Kedaulatan undang-undang

Prinsip ini menuntut kita sama-sama menghormati undang-undang dan berusaha menyokong penguatkuasaannya serta memelihara kedaulatannya. Semua rakyat adalah sama di sisi Kedaulatan Undang-Undang negara. Sesiapa yang melanggar undang-undang negara akan dihukum tanpa mengira agama, bangsa dan kaumnya. Seperti yang diamalkan di seluruh dunia, hak kepada kebebasan bersuara juga diamalkan di Malaysia, namun ianya adalah tidak mutlak sehingga ia melanggar peruntukan undang-undang sedia ada, atau mengancam keamanan, kestabilan dan keharmonian negara. Oleh yang demikian, adalah penting untuk masyarakat menggunakan media sosial secara berhemah, positif, tidak bertentangan atau menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang negara.

v. Kesopanan dan Kesusilaan

Prof. Datuk Dr Teo Kok Seong dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pernah berkata tidak akan sempurna jati diri seseorang warganegara Malaysia itu sekiranya tidak memahami, menghayati dan menjiwai prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan terutama bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum. Sebagai pengguna yang beretika adalah penting supaya sentiasa mencegah diri daripada melakukan sindiran dan penghinaan melampau terhadap orang lain sama ada dalam bentuk gambar atau komen sehingga boleh menyinggung perasaan orang lain.

6 Kesimpulan

Media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, TikTok dan YouTube dilihat semakin berpengaruh dalam kehidupan seharian seseorang. Ianya digunakan untuk pelbagai tujuan seperti berinteraksi bersama kenalan, menyampaikan maklumat, bertukar pendapat serta sebagai sumber rujukan maklumat yang interaktif dan pantas. Namun, sementara pengguna menikmati pelbagai manfaat daripada media sosial dan sebeb mana pun pendapat dapat dilakar di ruangan media sosial, pengguna juga perlu sedar akan tanggungjawab sebagai seorang pengguna media sosial. Kita seharusnya juga sentiasa ingat bahawa tidak ada yang akan terlepas dan kebal daripada tindakan undang-undang sekiranya didapati melakukan kesalahan berkaitan salah guna media sosial. Justeru itu, penerapan nilai etika yang direvolusi daripada penghayatan Rukun Negara dapat memberikan panduan dalam mencegah perlakuan yang tidak bermanfaat dalam perkongsian maklumat di media sosial dan menjadikan seseorang individu itu lebih berintegriti.

Penerapan nilai-nilai etika ini akan mempunyai impak yang positif terhadap peningkatan tahap integriti pengguna media sosial. Permasalahan sikap dan tatakelakuan merupakan permasalahan yang tidak dapat diselesaikan dengan sekadar memberikan panduan umum. Oleh yang demikian, adalah penting untuk melakukan kajian semula yang lebih komprehensif dalam memahami hubungkait antara nilai integriti seorang individu dengan tingkah laku seseorang di media sosial.

Rujukan

- Widang I, Fridlund B (2003) Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients. *Journal of Advanced Nursing* 42 (1), p. 47
- Anak Sakai, Emily; Hj.A.Malek, Mohd Dahlan (2014). “Konsep Integriti Dan Nilai-Nilai Murni Terhadap Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Pelajar Universiti Yang Tinggal Di Dandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Di Universiti Malaysia Sabah.” in *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*, p. 2–9
- Ayub, Muhammad Syazwan; Rozali, Amirul Azha; Marni, Nurazmallail (2019). “Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 313-330. ISBN: 978-967-2296-55-3.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (2020). *Internet User Survey 2020*. Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf>
- Abd Rahman, Rosfazila; Ong Hai Liaw, Jessica; Abdul Khalil, Adlina; Syed Sheikh, Sharifah Shahirah, S. Mama, Djhoanna; Abd. Razak, Munira (2021). “Prinsip Rukun Negara, Keluhuran Perlembagaandalamkalangan Generasi Baru Masyarakat Majmuk Malaysia: Kajian Terhadap Pemahaman, Persepsi, Penerimaan Dan Cabaran” in *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6 (PASAK6 2021)* – Dalam Talian 9 & 10 November 2021 e-ISSN2811-4051, p. 573
- Facebook (2022). *Community Standards Enforcement Report*. Retrieved from <https://transparency.fb.com/data/community-standards-enforcement/fake-accounts/facebook/#content-actioned>
- Tiktok (2022). *Community Guidelines Enforcement Report*. Retrieved from <https://www.tiktok.com/transparency/en-us/community-guidelines-enforcement-2022-1/>